

TEKANAN PEKERJAAN DAN KESAMPAHAN KE ATAS KESIHATAN
PEKERJA-PEKERJA PENGELUARAN:
DI SYARIKAT PUSPAMARA SDN. BHD. CAW. KOTA DAMRU, KEL.

ZAHRAH BIN HAN MAHMOOD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



189901

106581

ABSTRAK

Kajian ini ingin melihat bagaimana kesan hubungan tekanan pekerjaan dan kaitannya dengan status kesihatan pekerja-pekerja pengeluaran. Seramai 40 orang responden yang terdiri daripada 20 orang pekerja lelaki dan 20 orang pekerja perempuan telah dipilih sebagai sampel kajian daripada Syarikat PuspaMara Sdn.Bhd. Cawangan Kota Bharu, Kelantan sebagai kes kepada kajian tersebut. Pengumpulan data adalah melalui borang soal selidik hantaran tangan dan diisi sendiri. Cara persampelan secara rawak digunakan untuk memilih responden. Kebanyakan responden (80%) berumur di antara 17 hingga 30 tahun. Lebih daripada separuh (65%) daripada responden berkelulusan SPM dan seramai (60%) daripada responden masih lagi berstatus bujang. Sebanyak 95% daripada responden telahpun bekerja lebih daripada setahun. Tekanan pekerjaan merupakan faktor yang boleh mempengaruhi status kesihatan pekerja-pekerja. Oleh itu kajian ini cuba untuk meninjau punca-punca tekanan pekerjaan dan perkaitan antara tekanan pekerjaan dengan status morbiditi. Apabila status morbiditi dibandingkan dengan hasil kajian 'National Health And Morbidity Survey (NHMS)', didapati responden mengalami kadar morbiditi yang jauh lebih tinggi. Dapatan kajian menunjukkan seluruh responden (100%) mengalami sakit akut berbanding dengan nilai NHMS yang hanya 6.3%. Manakala bagi sakit kronik sejumlah (90%) responden mengalaminya berbanding (26%) bagi kajian NHMS. Dari segi punca-punca tekanan pekerjaan, didapati persekitaran kerja, perhubungan kerja dan tekanan kerja merupakan punca-punca utama yang menjadi pemangkin kepada paras tekanan pekerjaan yang tinggi dengan purata skor masing-masing 3.08, 2.62 dan 2.32. Dari segi tekanan pekerjaan yang dialami, 60% responden menghadapi tekanan pekerjaan yang sederhana dengan purata skor keseluruhan 2.5. Purata tekanan hidup menunjukkan separuh (50%) daripada responden menghadapi tekanan hidup pada paras sederhana. Secara umumnya skor tekanan pekerjaan responden lebih tinggi daripada purata tekanan hidup. Hubungan di antara tekanan pekerjaan dengan status morbiditi ditentukan dengan ujian kolerasi Pearson. Pekali kolerasi Pearson menunjukkan terdapat perkaitan yang sangat sederhana positif di antara tekanan pekerjaan dengan status morbiditi ($r = 0.36, p < .05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang positif antara tekanan pekerjaan dengan status morbiditi. Maka pernyataan kajian tentang pekerja pengeluaran dengan tekanan pekerjaan yang lebih tinggi akan mengalami lebih banyak masalah penyakit boleh diterima. Pekali kolerasi Pearson juga menunjukkan terdapat perkaitan yang sederhana positif di antara tekanan hidup dengan status morbiditi pekerja ($r = 0.52, p < .05$). Maka kedua-dua pernyataan tersebut boleh diterima.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Faktor manusia memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara terutamanya di dalam proses pengeluaran. Kerana manusia adalah watak utama yang menggerakkan perjalanan sesebuah organisasi. Lantaran itu sumber-sumber manusia perlulah dipergunakan secara optima bagi memastikan pengeluaran berada di tahap yang tinggi.

Dalam proses pembangunan sumber manusia dengan efektif, perlu disedari bahawa manusia mempunyai kemampuan yang terhad dan manusia juga menghadapi pelbagai masalah samada di rumah, di sekolah, di dalam perjalanan, di tempat membeli belah, di tempat kerja mahupun di tempat-tempat beribadah. Jika had dan permasalahan yang dihadapi oleh manusia ini dilampaui maka tekanan akan berlaku. (Mahmood Nazar, 1992:343).

Menurut Matteson dan Ivancevich (1989) kesan negatif yang lahir daripada tekanan pekerjaan akan membawa kepada peningkatan kos-kos dan gangguan-gangguan kepada organisasi berkenaan. Kesan-kesan yang jelas daripada tekanan pekerjaan termasuklah kerugian-kerugian yang besar dalam daya pengeluaran, masalah kepontingan bekerja, pencen awal dan juga kemungkinan menghadapi kematian awal di kalangan individu yang terlibat sebagai manifestasi daripada tekanan yang ditanggung dalam pekerjaan.

Tekanan telah dikenalpasti sebagai punca kepada hampir semua masalah dan kecelaruan psikologikal. Seseorang yang terlalu kerap menghadapi tekanan dalam pekerjaan umpamanya akan menghadapi kemurungan, kesedihan, kerunsingan dan beberapa masalah psikosomatik.

Dalam setiap situasi organisasi, dua komponen utama wujud secara sebelah-menyebelah iaitu manusia dan alam kerja. Komponen manusia tidak dapat diketepikan dan harus dianggap sebagai penting.

Manusialah yang mengendalikan segala kerja, bermula dengan kerja sebagai buruh kasar, mandur, penyelaras, pengurusan, esekutif-esekutif syarikat, perkhidmatan sehinggalah ketahap mereka yang membentuk dasar yang akan menentukan arah kehidupan manusia lain.

Manusia tidak boleh dipersepsikan sebagai robot atau alat sistem birokrat semata-mata yang hanya mempunyai tugas untuk melaksanakan kerja dengan berkesan. Setiap manusia mempunyai sifat keperibadiannya yang tersendiri dan kadang kala sifat ini mengganggu perjalanan sesuatu kerja itu. Di sini manusia tidak boleh dipersalahkan kerana tidak ada manusia yang sempurna segalanya.

Apa yang perlu dilakukan ialah setiap pengurusan seharusnya dapat meminimakan suasana tekanan kerja yang dihadapi oleh setiap individu yang bekerja dengan menyediakan keadaan tempat kerja yang lebih kondusif, selesa dan selamat supaya tahap kesihatan pekerja dapat dikawal malah dapat ditingkatkan dan sekaligus dapat meningkatkan tahap porduktiviti sesebuah organisasi.

Mengikut kajian yang dilakukan di Kilang Hawthorne Western Electric (1927) yang lebih dikenali sebagai Kajian Hawthorne, didapati keadaan kerja dan

suasana fizikal kerja mempengaruhi produktiviti pekerja dengan kerja yang dipelbagaikan dari suasana fizikal, seperti kecerahan, kelembapan, bising dan suhu yang mengganggu keselesaan manusia bekerja.

Tekanan di tempat kerja akan menjadi bertambah bahaya sekiranya pekerja mengalami tekanan hidup atau tekanan jiwa semasa mengendalikan kerja-kerja mereka. Ini kerana tekanan boleh mengakibatkan pelbagai jenis kemalangan samada dalam suasana kerja berat seperti industri balak, besi atau kayu mahu pun dalam suasana kerja-kerja ringan seperti kerja di pejabat-pejabat.

Punca-punca tekanan di tempat kerja agak spesifik dan amat bergantung kepada kerentanan yang tinggi terhadap tekanan, maka ia akan sering menghadapi tekanan jiwa. Faktor-faktor yang menyebabkan kerentanan tinggi ialah seperti kebolehan mengendalikan tugas dengan berkesan, keadaan fizikal seperti kesihatan, sokongan yang diperolehi daripada pihak majikan serta kawan-kawan dan personaliti pekerja tersebut, iaitu samada ia mempunyai personaliti jenis A atau B. (Mahmood Nazar, 1992).

Satu perkara yang sering menyebabkan tekanan di tempat kerja ialah kuantiti bebanan tugas kerja yang berlebihan. Seorang pengurus yang terpaksa mengendalikan pelbagai jenis kerja dengan kadar yang berlebihan akan menghadapi tekanan, walau pun ia bertugas dalam suasana kerja yang optima dari segi interaksi sosial atau suasana fizikal. Beban kerja yang kualitatif juga akan menyebabkan berlakunya tekanan jiwa. Kerja-kerja berbentuk kualitatif ini memerlukan penumpuan dan konsentrasi yang tinggi kerana setiap hasil kerjanya memerlukan kepiawaian atau tahap standard yang telah ditetapkan. Jika kualiti kerja di bawah